

MONTELAIR CHEWABLE TABLET

Montelukast (5 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Montelair
2. Bagaimana Montelair berfungsi
3. Sebelum mengambil Montelair
4. Cara menggunakan Montelair
5. Semasa menggunakan Montelair
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Montelair
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Montelair

Ia digunakan untuk

- mencegah dan merawat asma bagi kanak-kanak yang berumur antara 6-14 tahun.
- melegakan gejala-gejala rinitis alergi bermusim, siang dan malam, dikalangan kanak-kanak yang berumur antara 6-14 tahun.

Bagaimana Montelair berfungsi

Ubat ini ialah antagonis kepada reseptor leukotriena. Ia menghalang bahan yang terdapat dalam peparu yang dikenali sebagai leukotriena yang menyebabkan saluran pernafasan menjadi sempit dan membengkak.

Penyekatan leukotriena akan melegakan tanda-tanda asma dan membantu mengelakkan serangan asma. Montelair juga melegakan gejala-gejala demam.

Sebelum mengambil Montelair

Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- anak anda alah terhadap *montelukast* atau pada mana-mana bahan eksipien
- anak anda sedang mengambil ubat yang mengandungi *montelukast*
- anda tiada toleransi terhadap galaktosa, mempunyai penyakit Lapp kurang laktosa atau penyerapan glukosa-galaktosa tidak cekap

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika:

- anda hamil atau merancang untuk hamil
- anda sedang menyusukan bayi atau merancang untuk menyusukan bayi.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau pegawai farmasi jika anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, dalam apa-apa bentuk yang dibeli atau didapati tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat akan mengganggu fungsi bahan aktif yang terdapat pada Montelair.

Antaranya:

- ubat lain yang mengandungi montelukast
- fenobarbital
- fenitoin
- rifampisin.

Interaksi lain yang tidak tersenarai mungkin berlaku. Rujuk doktor atau pegawai farmasi jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.

Cara menggunakan Montelair

Berapa banyak harus diambil

Kanak-kanak berumur 6-14 tahun: Ambil 1 tablet sehari pada waktu petang

Kunyah tablet dengan sepenuhnya dan telan.

Bila perlu diambil

Ambil ubat ini pada waktu petang. Ubat ini boleh diambil sebelum atau selepas makan.

Berapa lama perlu diambil

Anda atau anak anda dinasihati supaya mengambil ubat ini selagi diarahkan oleh doktor.

Jika terlupa mengambil

Jangan gantikan dos bagi menggantikan dos yang tertinggal.

Sekiranya terlupa, ambil dos tersebut sebaik sahaja teringat.

Sekiranya telah hampir waktu untuk dos seterusnya, tinggalkan dos tersebut

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Montelair

Perkara yang perlu dilakukan

Pastikan anda mengambil ubat seperti yang diarahkan oleh doktor; walaupun gejala asma sudah terkawal dan semasa penyakit asma anda bertambah teruk.

Pastikan anda atau anak anda mengambil ubat ini setiap hari seperti yang diarahkan oleh doktor, walaupun gejala asma telah bertambah baik atau anda mengalami serangan sama.

Sentiasa bersedia dengan alat sedut sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya serangan asma berlaku. Montelair tidak sesuai digunakan untuk serangan asma yang mendadak (akut).

Beritahu doktor, doktor gigi dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Montelair.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan ubat ini kepada orang lain atau kanak-kanak berumur di bawah 6 tahun, walaupun mereka mengalami gejala-gejala yang sama seperti anda.

Jangan ambil ubat ini untuk merawat penyakit lain kecuali dimaklumkan oleh doktor atau pegawai farmasi.

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah dos tanpa merujuk kepada doktor.

MONTELAIR CHEWABLE TABLET

Montelukast (5 mg)

Perkara yang perlu diberi perhatian

Ambil perhatian:

- jika tanda-tanda yang dialami semakin teruk, hubungi doktor dengan segera
- jangan menggantikan ubat ini dengan ubat-ubatan lain yang dipreskripsikan oleh doktor untuk merawat asma
- jangan mengambil aspirin atau ubat anti radang bukan steroid (NSAID) jika ia menyebabkan asma menjadi teruk
- anda mungkin akan berasa pening apabila memandu kenderaan atau mengendalikan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat akan menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini dan boleh menjadi serius.

Maklumkan kepada doktor dengan segera jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang tidak diingini semasa mengambil ubat ini.

Kesan sampingan yang biasa dialami

- sakit kepala.

Kesan sampingan yang jarang berlaku:

- peningkatan paras enzim hati
- sakit di bahagian abdomen atau perut
- kelemahan atau kepenatan yang luarbiasa
- batuk
- sakit gigi
- pening
- pedih hulu hati
- demam
- radang perut dan usus
- hidung tersumbat
- ruam.

Kesan sampingan yang amat jarang berlaku

- sindrom *Churg-Strauss*, sejenis penyakit radang salur darah
- *pyuria* (nanah dalam air kencing).

Kesan-kesan sampingan lain yang dilaporkan semasa ubat berada dalam pasaran

- mudah berlaku pendarahan
- reaksi alahan contoh ruam, kegatalan, pembengkakan pada

muka, bibir, lidah dan/atau tekak/kerongkong

- perubahan yang berkaitan dengan tingkah laku dan angin (mood) contoh mimpi ngeri pada waktu malam, halusinasi, keresahan, kemurungan, masalah tidur
- pening, rasa mengantuk, rasa semut-semut, kebas, sawan
- jantung berdenyut pantas
- cirit-birit, mulut kering, ketidakhadaman, rasa loya, muntah
- hepatitis (radang hati)
- lebam, kegatalan, ruam gatal akibat alahan, eritema nodosum (benjolan lembut pada kulit)
- sakit pada sendi atau otot, kekejangan otot
- keletihan, rasa tidak sihat, bengkak

Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan mungkin berlaku. Maklumkan kepada doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Montelair

Penyimpanan

Jauhkan daripada kanak-kanak. Simpan dibawah 30⁰C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

10 mm, bulat, merah jambu berbelak, tanpa bersalut filem, berpinggir serong,

cembung cetek, cetak timbul "HD" dan goresan pada permukaan yang sama.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Montelukast sodium 5 mg

Bahan-bahan tidak aktif:

- Mannitol
- Microcrystalline cellulose
- Red iron oxide
- Povidone
- Croscarmellose sodium
- Cherry flavour
- Sucralose
- Magnesium stearate
- Isomalt

Nombor MAL

MAL12055028A

Manufacturer

Hovid Bhd.

Lot 56442, 7 1/2 Miles,
Jalan Ipoh/Chemor,
31200 Chemor, Malaysia.

Product Registration Holder

Hovid Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman,
30010 Ipoh, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

19/08/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)190815/00261